

KARANGAN 13 (N LEVEL)

Tulis sebuah cerita dengan menggunakan permulaan yang berikut:

“Mengapa awak mengelar tangan awak? Adakah cara ini dapat menyelesaikan masalah yang awak hadapi?”

Aku ...

BAHAGIAN PENGENALAN

“Mengapa awak mengelar tangan awak? Adakah cara ini dapat menyelesaikan masalah yang awak hadapi?”

Aku tahu kali ini Puan Shalin tidak akan terus membiarkan aku mendiamkan diri seperti sesi-sesi kausing sebelum ini. Dia pasti ingin aku bersuara, berkongsi masalahku.

“Saya . . .”

“Teruskan. Jangan takut. Setiap kita ada masalah, dan setiap masalah ada jalan keluarnya. Berkongsilah dengan saya apa yang berlaku.”

“Mereka . . .”

“Teruskan. Siapakah mereka? Apa yang telah mereka lakukan?”

“Mereka mahu memalukan saya. Mereka mahu menyiarkannya di Internet supaya saya dapat malu.”

“Apa yang hendak mereka siarkan di Internet?”

Aku hanya tunduk malu. Titisan air mataku mula berguguran membasahi karpet bilik kausing sekolah. Di sudut hatiku, secebis harapan mula terbit. Mungkin Puan Shalin boleh membantu aku jika aku berterus-terang.

BAHAGIAN UTAMA

Perenggan Aksi

Saat pertama aku melangkahkan kaki masuk ke dalam kelas, aku tahu nasib yang serupa akan menimpa diriku. Ini adalah sekolah ketiga aku dalam masa dua tahun. Ayah sering memindahkan aku ke sekolah baru setiap kali aku terus-menerus menjadi mangsa buli di sekolah. Manakan tidak. Aku dilahirkan cacat. Kedua-dua biji mataku juling dan berada agak jauh dari biasa antara satu dengan yang lain. Wajahnya yang hodoh menyebabkan aku sering menyendirikan diri. Aku tidak mahu menarik perhatian ramai dan menjadi bahan ejekan orang. Aku kekeringan air mata untuk menangis setiap kali dibuli sejak di Primari 4 lagi. Aku telah terima hakikat bahawa aku dilahirkan hodoh supaya aku menjadi bahan ketawa manusia lain. Setiap malam